

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN ALBUM ANTI DADAH
DI AUDITORIUM BESAR ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 15HB. OGOS, 1987
PUKUL 8.30 MALAM

Yang Berhormat, Dato' Mohamed Rahmat,

Menteri Penerangan;

YB Dato' Megat Junid, Menteri Dlm Negeri
YB Dato' Zahid Hamid, Menteri Klu. Alam Bhd. P. M. N. S. M.
Dif-Dif Kehormat; ^{Tuind} ^{Merangkap} ^{Asas} ^{PEMIMPIN} ^{Kelongsaan.}

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya berasa gembira dan berbesar hati kerana dijemput untuk melancarkan Album Anti Dadah yang berjudul 'Hitam Putih Kehidupan' pada malam ini.

2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di atas usaha murni mereka. Saya turut merasa bangga kerana Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dapat memberi sumbangan terhadap pengeluaran Album Khas ini. Saya amat terharu kerana terdapat pihak-pihak yang menyedari dan sanggup berusaha keras untuk menerbitkan sebuah Album Khas dengan niat untuk menyedarkan semua lapisan masyarakat mengenai bencana yang dibawa oleh najis dadah. Saya merakamkan ribuan terima kasih

... dan/-

dan penghargaan kepada mereka yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan Album ini yang terdiri daripada para artis, pemuzik, penggubah, pencipta lagu dan penulis lirik tanahair yang dengan begitu ikhlas telah menggabungkan tenaga dan dayacipta masing-masing untuk bersama-sama menyedarkan masyarakat mengenai bahaya yang sedang mengancam masyarakat kita. Semoga segala sumbangan dan jasacipta mereka akan dihargai dan dihayati oleh seluruh masyarakat terutamanya anak-anak muda kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Para biduan dan seniman kita mengambil kesempatan melalui Album ini untuk merayu kepada semua supaya menghargai hidup ini dan

...tidak/-

tidak mempersiapkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang keji dan durjana.

4. Pencegahan dadah adalah tanggungjawab bersama semua pihak dan setiap rakyat yang cintakan bangsa dan negara harus turut berikhtiar dan berusaha supaya rakyat dan negara ini aman dan sentosa serta sejahtera sepanjang masa. Masalah dadah di negara ini adalah satu masalah yang amat besar dan serius, dan kita semua sedia mengetahui bahawa golongan belia merupakan golongan yang paling terdedah kepada bahaya dan bencana penagihan ini.

5. Tugas membanteras dan menghapuskan penyalah-gunaan dadah ini bukanlah hanya terletak kepada Kerajaan atau badan-badan

...kemasyarakatan/-

kemasyarakatan sahaja. Kita harus sedar bahawa tanggungjawab ini adalah kewajipan bersama dan tanggungjawab setiap kita sebagai anggota masyarakat.

6. Dalam hal ini, ibu bapa mempunyai peranan yang penting bagi membendung merebaknya wabak najis dadah. Kewajipan ibu bapa terhadap anak-anak adalah berat, kerana mereka bertanggungjawab untuk memberi didikan yang sempurna kepada anak-anak mereka dari segi rohani, jasmani dan juga emosi. Anak-anak perlulah diawasi perkembangannya dengan rapi bagi memastikan mereka apabila dewasa menjadi warganegara yang bertakwa, berperibadi mulia, berpelajaran, bertanggungjawab dan berkewibawaan tinggi.

...Walaupun/-

7. Walaupun tanggungjawab mendidik anak adalah tanggungjawab bersama ibu dan bapa, namun demikian pengaruh ibu terhadap pendidikan dan perkembangan rohani dan jasmani anaknya adalah lebih besar daripada pengaruh bapa. Ini dapat dilihat daripada perhubungan yang wujud di antara seorang ibu dengan anaknya, yang bermula dari saat anak itu dilahirkan, serta diasuh dan dididik sehinggalah dewasa. Namun begitu daripada segi bimbingan keseluruhannya, di tangan ibu bapalah letaknya asas yang menentukan perkembangan dan hitam putih masa depan anak-anak tersebut.

8. Oleh yang demikian, saya menyeru ^{kpdl} ibu bapa supaya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang boleh membantu

...mendidik/-

mendidik anak-anak dengan sempurna. Didiklah mereka dengan norma-norma dan nilai-nilai yang mulia serta berlandaskan agama serta kebudayaan kita sendiri. Sebagaimana yang kita ketahui dan sedar, cabaran-cabaran dan masalah yang dihadapi oleh anak-anak zaman ini amat berbeza dari yang dihadapi oleh kita dahulu. Anak-anak kita terdedah kepada dunia yang lebih luas, kepada gejala-gejala yang tidak sihat dari berbagai budaya dan citarasa.

9. Didikan yang sempurna hanya dapat dicapai sekiranya ibu bapa menjalin hubungan yang rapat dan mesra dengan anak-anak mereka; berilah masa untuk mereka, jadikanlah diri kita sebagai tempat mengadu dan meminta nasihat serta bimbingan. Ibu

...bapa/-

bapa sendiri harus sedar tentang bahaya dadah dan betapa mudahnya anak-anak muda terjebak ke dalam perangkap dadah sekiranya mereka itu lemah semangat dan pendiriannya. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang berat memulakan usaha-usaha pencegahan awal melalui belaian kasih sayang, jalinan hubungan yang mesra serta bimbingan rohaniah yang berterusan. Penagihan boleh bermula dengan mudah dalam keluarga yang kucar-kacir dan sebagai ibu bapa kita hendaklah berusaha dan menjaga keharmonian dan kesejahteraan keluarga sepanjang masa. Keluarga merupakan unit asas masyarakat yang mempunyai pengaruh paling kuat sekali terhadap pembentukan sikap dan penerapan nilai-nilai hidup sosio-budaya masyarakatnya. Keluarga yang stabil akan menghasilkan anak-anak yang bersikap positif

...dan/-

dan mempunyai nilai-nilai murni terhadap hidup. Sebaliknya keluarga yang tidak stabil dan harmonis akan merosakkan perkembangan dan pertumbuhan anak-anak dan menjadikan mereka manusia yang mudah sahaja menerima anasir-anasir buruk.

10. Masa adalah terhad, oleh itu ibu bapa mestilah menggunakan masa dengan sebaik-baiknya bagi memenuhi berbagai tanggungjawab dan matlamat hidup untuk keluarga dan masyarakat. Ibu bapa perlulah memahami tanggungjawab mereka supaya dapat mengenalpasti keutamaan dalam hidup dan mencari imbalan yang memuaskan. Tugas yang perlu dijalankan haruslah dikenalpasti dan masa diagihkan untuk ahli keluarga dan juga

,... untuk/-

untuk menyelesaikan tugas-tugas yang perlu dikendalikan dalam keluarga.

11. Kita perlu menguasai masa kita untuk mendapatkan masa bagi diri sendiri, keluarga dan masyarakat, di samping mencari peluang memajukan diri, berkomunikasi dan berehat-rehat dengan keluarga. Pergaulan dengan anak-anak tidak semestinya memerlukan masa yang panjang, yang penting sekali ialah mutu hubungan yang terjalin di antara kedua-dua pihak, suasana harmoni di mana semua ahli keluarga berkumpul dan bermesra dalam sesuatu aktiviti. Kasih sayang dan kemesraan sama rata terhadap setiap ahli keluarga, melalui belaian secara fizikal atau dengan cara memberi penghargaan, galakan,

... dorongan/-

dorongan serta pujian yang sewajarnya amatlah perlu dijalin.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Dalam membantu dan memberi sokongan moral kepada anak-anak, ibu bapa juga perlulah melibatkan diri dalam aktiviti pencegahan najis dadah dengan bergiat dalam pertubuhan kemasyarakatan. Ibu bapa yang mahu meluangkan masa dalam aktiviti-aktiviti begini akan dapat mengikis sikap negatif terhadap penagih dan tugas penagih. Aktiviti-aktiviti tertentu dapat dirancang dan dilaksanakan oleh ibu bapa melalui kumpulan tidak formal atau pertubuhan sukarela. Melalui penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan ini dapatlah ibu bapa mengamal

... dan/-

dan menghayati ciri-ciri hidup yang dapat meningkatkan keharmonian keluarga.

13. Kepada anak-anak muda, ingatlah bahawa tidak ada sebarang masalah di dalam hidup yang tidak boleh diatasi jika kita berusaha dengan sabar dan bertawakal. Perasaan yang terpendam, duka yang terkongkong di dada boleh dihilangkan dengan secara berbincang. Ibu bapa boleh menjadi tempat mengadu, ibu bapa akan memberi bimbingan ke jalan yang benar. Kekecewaan dan putus asa tidak harus ada di dalam perasaan anak-anak muda. Sesuatu yang sukar harus dianggap sebagai cabaran. Kalau tidak boleh di atasi, bawalah berbincang dengan ibu bapa atau mereka yang benar-benar boleh membimbing dan membantu.

...Segala/-

14. Segala usaha dan pengorbanan yang tuan-tuan dan puan-puan lakukan ini akan menentukan kejayaan kita dalam memerangi dadah dan penerusan bangsa dan negara yang maju, sihat dan bermaruah tinggi.

15. Di sini saya ingin menyatakan rasa kesal saya kerana saya telah diberitahu bahawa album rakaman ini sudah dicetak-rompakkan. Saya berharap usaha-usaha dapat dijalankan untuk membanteras kegiatan cetak rompak ini.

16. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Penerangan dan RTM kerana menyiarkan secara langsung Majlis kita malam ini yang telah membolehkan para penonton mengikutinya.

... Tuan/-

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Akhir kata, saya berdoa agar Allah Subhanahu Wataala akan memberikan petunjuk dan hidayahNya kepada kita bagi menjayakan segala usaha demi masa depan negara dan generasi kita.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Album Anti Dadah berjudul Hitam Putih Kehidupan.

Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamu
alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1
20